

30/10/1999

`PM minta Rahim letak jawatan'

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta supaya Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik meletak jawatan sebagai Ketua Menteri Melaka selepas didakwa terbabit merogol gadis bawah umur.

Katanya, dia hanya ditugaskan memberitahu Abdul Rahim bahawa Perdana Menteri meminta Abdul Rahim meletak jawatan selepas mengetahui kes terbaru dengan gadis bawah umur.

"Perdana Menteri ada datang ke rumah saya, hari itu, hari Maulud. Selepas majlis itu saya tumpang kereta Perdana Menteri sampai ke rumah saya.

"Beliau memaklumkan pada saya mengenai kes terbaru Tan Sri Abdul Rahim dengan gadis bawah umur dan meminta saya bercakap dengan Tan Sri Abdul Rahim supaya meletak jawatan," katanya.

Menjawab soalan peguam belanya, Christopher Fernando, apakah terjadi selepas itu, Anwar berkata: "Selang beberapa minggu kemudian, Tan Sri Abdul Rahim datang ke pejabat saya dan saya minta beliau tulis surat letak jawatan bagi memenuhi permintaan atau arahan Perdana Menteri.

Fernando: Apakah tindak balas Tan Sri Abdul Rahim?

Anwar: Marah bukan kepalang.

Fernando: Adakah beliau melemparkan sebarang tuduhan?

Anwar: Ada. Beliau marah, beliau kata banyak menteri yang nyata rasuah, ratusan juta, berbilion dan terbabit dalam salah laku seks, mengapa Perdana Menteri tidak ambil tindakan.

Fernando: Bolehkah Datuk Seri sebutkan nama-nama?

Hakim Datuk Ariffin Jaka mencelah: Tak payah kerana tidak ada kaitan.

Fernando: Adakah beliau berkata apa-apa lagi?

Anwar: Ada tetapi agak kasar. Beliau memberi gambaran seolah-olah saya yang menekan supaya tindakan diambil terhadap beliau lebih-lebih lagi kerana saya sampaikan keputusan Perdana Menteri dan surat peletakan jawatan itu ditulis dengan tangan.

Beliau kesal sekali dengan menyatakan bahawa beliau adalah penyokong yang setia tetapi saya tidak mempertahankannya.

Katanya, selepas pertemuan itu Abdul Rahim ada menghubunginya berhubung tindakan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menyambung siasatan wang tunainya yang didakwa tidak membayar cukai.

"Beliau datang menemui saya dan merayu saya memberhentikan pengenaan cukai itu. Saya jawab "itu saya tidak dapat lakukan". Beliau kemudian membuat rayuan dengan menulis surat kepada saya," katanya.

Kepada soalan, apakah rumusan surat yang ditulis oleh Abdul Rahim pada 5 Disember 1995, Anwar menjawab: "Pertamanya, Tan Sri Abdul Rahim berkata bahawa Perdana Menteri tidak pernah mendesak beliau meletak sebarang jawatan. Beliau tuduh saya yang buat.

"Tan Sri Abdul Rahim juga merujuk kepada tindakan LHDN menggeledah rumah dan pejabatnya. Beliau kata beliau tidak perlu bayar cukai kerana wang itu adalah akaun tabung politik dan akaun itu dibuka di Singapura.

"Beliau mendakwa dalam surat itu bahawa ada seorang ketua perhubungan negeri, maknanya, menteri besar menerima RM80 juta daripada seorang tokoh korporat dan seorang yang lain menerima RM50 juta untuk Umno tetapi wang itu lesap juga.

"Tan Sri Abdul Rahim menyatakan bahawa tidak ada tradisi dalam Umno supaya tabung politik mengemukakan laporan secara bertanggungjawab. Beliau

menegaskan wang tabung politik tidak kena cukai, kalau begitu, pihak mahkamah akan mendedahkan.

"Beliau berkata akaun di Singapura itu atas namanya tetapi dipegang oleh seorang rakyat Singapura. Beliau juga marah pada LHDN dan Badan Pencegah Rasuah".

Fernando: Adakah Datuk Seri membuat apa-apa selepas surat itu?

Anwar: Saya hanya menyerahkan kebijaksanaan BPR dan LHDN menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Fernando: Selepas pertemuan dan surat itu, adakah Abdul Rahim menunjukkan sikapnya terhadap Datuk Seri di mana-mana tempat atau forum?

Anwar: Ada, dalam ceramah dan ucapannya mula menyerang saya.

Fernando: Apakah intipati serangannya ke atas Datuk Seri?

Anwar: Secara umumnya, beliau akan bekerja tungkus lumus dengan hulubalangannya untuk menjatuhkan saya.

Fernando kemudian menunjukkan buku bertajuk, "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri" dan menanyakan sama ada dia tahu buku itu.

Anwar: Saya tahu buku menerusi iklan dalam akhbar Tempo milik Tan Sri Abdul Rahim.

Perbicaraan bersambung Isnin ini.

(END)